

## PELABURAN UNIT AMANAH KONVENSIONAL DAN ISLAM MENGIKUT WILAYAH DI MALAYSIA

### [CONVENTIONAL AND ISLAMIC UNIT TRUST INVESTMENTS BY REGION IN MALAYSIA]

MOHAMAD SAUFEE ANUAR, SITI RAHMAH AWANG\*, AZMIRUL ASHAARI<sup>1\*</sup>

<sup>1\*</sup> Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim, Universiti Teknologi Malaysia, Level 10, Menara Razak, Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Sultan Yahya Petra, 54100 Kuala Lumpur, MALAYSIA. e-Mail: sitirahmah@utm.my

---

*Received: 11 October 2021*

*Accepted: 20 November 2021*

*Published: 30 December 2021*

---

**Abstrak:** Pelaburan unit amanah merupakan satu kaedah yang amat signifikan dalam membantu sosioekonomi masyarakat di Malaysia. Pelaburan juga merupakan salah kajian yang popular di dalam Malaysia dan luar negara. Tujuan kajian ini dilakukan adalah bagi memahami perbezaan antara pelaburan unit amanah Islam dan unit amanah konvensional. Unit amanah Islam mempunyai ciri tarikan pelabur menjurus kepada syariah dalam urusan pelaburan. Objektif kertas kerja ini ingin mengenal pasti jurang perbezaan antara jumlah pembelian saham dan bilangan pelabur yang melabur mengikut wilayah. Selain itu, kajian ini juga ingin mengenal pasti wilayah yang mempunyai jumlah pelabur unit Amanah yang paling sedikit. Kajian menunjukkan wilayah selatan merupakan kawasan yang mempunyai pendapatan isi rumah yang tinggi tetapi mempunyai bilangan pelaburan yang rendah berbanding wilayah dan negeri yang lain. Selain itu, kajian ini akan menjadi sumber rujukan bagi penyelidik dan syarikat industri unit amanah dalam menambah baik industri pelaburan.

**Kata Kunci:** Pelaburan, Unit Amanah Islam, Wakaf Unit Amanah, Syariah.

**Abstract:** Unit trust investment is a highly significant method in aiding the socio-economic development of society in Malaysia. Investment is also a popular area of study both within Malaysia and internationally. The purpose of this study is to understand the differences between Islamic unit trust investments and conventional unit trust investments. Islamic unit trusts have characteristics that appeal to investors seeking Shariah-compliant investment options. The objective of this paper is to identify the gap between the amount of shares purchased and the number of investors investing by region. Additionally, this study aims to identify the region with the smallest number of unit trust investors. The study shows that the southern region, despite having a high household income, has a lower number of investments compared to other regions and states. Furthermore, this study will serve as a reference for researchers and unit trust industry companies to improve the investment industry.

**Keywords:** Investment, Islamic Unit Trust, Endowment Unit Trust (Wakaf refers to charitable endowments in Islam), Shariah (Islamic law)

**Cite This Article:**

Mohamad Saufee Anuar, Siti Rahmah Awang, Azmirul Ashaari. (2021). Pelaburan Unit Amanah Konvensional dan Islam Mengikut Wilayah di Malaysia [Conventional And Islamic Unit Trust Investments By Region In Malaysia]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 1(4), 33-48.

## PENGENALAN

Menurut Mohd Nor (2020), golongan belia di kalangan bumiputera mula mendapat kesedaran untuk meningkatkan pendapatan mereka menerusi pasaran saham berdasarkan pembukaan akaun “*Central Depository System*” (CDS) yang menyumbang kepada ekonomi dan kesejahteraan sosial kepada masyarakat dan negara. Kini, kewujudan pasaran modal Islam di Malaysia telah bergerak seiring dengan pasaran modal konvensional bagi pihak pengguna dan penyedia modal yang menjadi pelengkap kepada sistem perbankan Islam yang bertambah dari masa ke semasa demi memperluaskan lagi produk kewangan Islam di negara ini (Bank Negara Malaysia, 1999). Dengan peningkatan produk yang berasaskan syariah, pasaran modal Islam seperti dana unit amanah dilihat dapat membantu ekonomi umat Islam untuk perancangan masa hadapan yang semakin mencabar (Ismail dan Hassan, 2006). Menurut Abdullah and Shari (2019), industri unit amanah di Malaysia telah wujud sejak tahun 1959. Unit amanah dapat dilihat berkembang pesat dengan menyaksikan pertumbuhan yang ketara. Unit amanah dikenali sebagai *unit trust* di United Kingdom (U.K.) atau *mutual fund* di Amerika Syarikat (Julia, 2020). Unit amanah merupakan satu bentuk skim pelaburan kolektif yang ditubuhkan di bawah suatu surat ikatan amanah. Unit amanah merupakan pelaburan yang terbuka dan mempunyai objektif pelaburan khusus untuk menentukan tujuan dan had pengurusan (Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, 2013). Dalam erti lain, unit amanah juga merupakan skim pelaburan terkumpul oleh pelabur yang mempunyai matlamat yang sama dengan dana tersebut digabungkan dalam satu amanah yang sama untuk diuruskan oleh pengurus dana yang professional (Razaman, 2010). Unit amanah juga telah berkembang selama dua dekad yang lalu (Choong, 2005).

## DEFINISI PELABURAN UNIT AMANAH

Sunthara Segar (2007) mendefinisikan unit amanah sebagai salah satu bentuk pelaburan yang menfokuskan kepada individu yang mempunyai keinginan untuk melabur dalam pasaran saham tetapi mempunyai kekangan masa, kurang motivasi terhadap kepakarannya dalam pasaran saham dan bagi mereka yang mempunyai modal yang kecil. Menurut Annamalah et al. (2019), unit amanah adalah cara yang mudah untuk melabur bagi mengumpul kekayaan dalam jangka masa sederhana atau jangka masa yang panjang. Pihak yang bertanggungjawab seperti pakar pelaburan di berikan tugas bagi menguruskan pelaburan dan mengenalpasti risiko yang akan dihadapi dalam melabur wang pelabur. Annamalah et al., (2019) juga menyatakan sifat asas unit amanah adalah ia membawa risiko rendah dan seterusnya menentukan tahap pulangan yang lebih rendah berbanding dengan instrumen kewangan lain.

Di Malaysia, unit amanah merupakan suatu pelaburan yang direka oleh syarikat industri pelaburan unit amanah bagi membantu melaburkan saham pelabur yang dilabur dalam simpanan kolektif bagi mencapai sasaran serta matlamat pelabur yang menginginkan kemudahan kecairan pelaburan, kepelbagaian portfolio, minat dalam pelaburan unit amanah (Abdullah, Hassan dan Mohamad, 2007). Laman web Singapore Government Agency (2018) menerangkan tiga konsep saham unit amanah yang terdiri daripada:

- a. Pengurus dana yang menguruskan dana pelabur;

- b. Pulangan ke atas pelaburan adalah bergantung kepada banyak faktor, termasuk risiko dan yuran yang dikenakan kepada pelabur dan dana;
- c. Senarai dana yang dibenarkan atau diiktiraf oleh kerajaan Singapura iaitu menerusi Monetary Authority of Singapore (MAS) untuk dijual kepada pelabur runcit boleh didapati di sistem elektronik *Offers and Prospectuses Electronic Repository and Access (OPERA)*.

Sistem pelaburan unit amanah di Malaysia tidak jauh bezanya dengan sistem di Singapura. Dana yang direka ini berkonsepkan secara kolektif yang telah diluluskan oleh *Securities Commission Malaysia (SC)* atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi meneruskan aktiviti syarikat yang menguruskan dana unit amanah menerusi kepakaran pengurus dana dalam melaburkan dana mengikut portfolio yang dipilih oleh pelabur. Oleh itu, hak dan kepentingan pelabur dalam unit amanah dilindungi. Unit amanah juga dikenali sebagai dana terbuka kepada pemegang unit dalam menebus atau menjual balik saham pelabur melalui syarikat pengurusan dana pada harga belian semasa atau nilai pasaran semasa. Dana unit amanah merupakan saluran yang mampu dimiliki oleh para pelabur untuk mencapai tahap kepelbagaian yang berpatutan (Choong, 2001).

## UNIT AMANAH ISLAM DI MALAYSIA

Terdapat pertumbuhan ketara dalam syarikat pengurusan pelaburan yang menawarkan pelbagai dana unit amanah. Statistik semasa yang dikeluarkan oleh SC, bagi tahun 2017 hingga 2020, pada bulan Julai 2020 menunjukkan terdapat 39 buah syarikat pengurusan pelaburan unit amanah dengan 700 dana tersedia di pasaran. Daripada jumlah tersebut, 461 adalah dana unit amanah konvensional manakala 239 lagi adalah dana unit amanah Islam. Berbanding dengan bilangan pada Disember 2017 dengan jumlah syarikat sebanyak 36 syarikat dan jumlah dana sedia ada sebanyak 657 dana. Daripada bilangan 657 dana, jumlah dana unit amanah konvensional adalah sebanyak 437 dan unit amanah Islam sebanyak 220. Perbandingan ini menunjukkan ada peningkatan pada pertumbuhan syarikat pengurus unit amanah sebanyak 8.4% iaitu sebanyak tiga syarikat. Manakala jumlah keseluruhan dana unit amanah juga meningkat sebanyak 6.55% pada dana unit amanah Islam dan sebanyak 8.64% bagi unit amanah konvensional seperti Jadual 1:

Jadual 1: Jumlah Syarikat dan Dana Unit Amanah bagi tahun 2017, 2018, 2019-Julai 2020

Tahun	Jumlah Syarikat Yang Diluluskan	Bilangan Dana Yang Dibenarkan			Bilangan Dana yang Dilancarkan		
		Jumlah	Konvensional	Syariah	Jumlah	Konvensional	Syariah
2017	36	657	437	220	644	431	213
2018	37	664	435	229	650	426	224
2019	39	691	453	238	685	449	236
2020	39	700	461	239	687	451	236

Sumber: (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2020)

Berdasarkan peningkatan pada jumlah syarikat pelaburan unit amanah dan dana unit amanah yang merangkumi dana konvensional dan Islam menunjukkan penumbuhan industri ini yang memberasangkan. Dana unit amanah Islam juga menunjukkan peningkatan dana dari tahun ke tahun.

### **Unit Amanah Islam Dan Konvensional**


Unit amanah Islam dan konvensional mempunyai perbezaan prinsip dalam pengurusan dan jual beli saham. Unit amanah Islam amat mementingkan prinsip-prinsip Islam dalam segala aspek aktiviti dan jual beli saham. Manakala unit amanah konvensional pula bersifat keterbukaannya dengan meletakkan faktor keuntungan sebagai tunjang utama dalam melabur tanpa sebarang syarat dan panduan yang dikenakan. Unit amanah Islam mementingkan kriteria kuantitatif dan kualitatif yang ditetapkan mengikut garis panduan Syariah. Kebiasaannya, risiko kerugian yang dihadapi oleh unit amanah Islam lebih rendah berbanding unit amanah konvensional. Walaubagaimanapun unit amanah konvensional menghasilkan pulangan yang lebih tinggi daripada unit amanah Islam ( Hunt-Ahmed, 2013).

Dalam menguruskan dana unit amanah Islam, beberapa garis panduan syariah yang telah ditetapkan antaranya objektif tabung, strategi pelaburan, operasi dan pengurusan, dokumentasi, saluran dan aktiviti, akaun dan laporan (Othman and Ramli, 2018). Contohnya, PMB Investment Berhad (PMBi) merupakan sebuah syarikat yang menawarkan dana unit amanah secara Syariah di Malaysia. PMBi mengariskan prinsip-prinsip syariah seperti dana dilarang mempunyai kolaborasi dengan perbankan konvensional, insurans dan institusi kewangan, perjudian, minuman beralkohol, produk makanan yang tidak halal, faedah daripada instrumen pasaran wang dan sekuriti atau yang ditentukan oleh Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau badan antarabangsa penetapan piawai Syariah. Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) (2015) mentakrifkan unit amanah syariah sebagai suatu skim pelaburan yang diwujudkan dengan konsep simpanan secara kolektif dari pelabur dan diuruskan oleh pengurus dana professional untuk dilaburkan dalam pelbagai portfolio yang perlu mengikut objektif dan garis panduan serta peraturan SC agar segala aktiviti atau operasi mestilah berlandaskan syariah.

### **Perbandingan Asas Unit Amanah Islam Dan Konvensional**

Sebagaimana penerangan konsep dan definisi unit amanah islam dan konvensional, perbezaan di antara unit amanah Islam dan konvensional adalah penambahan prinsip berlandaskan agama Islam iaitu Syariah. Dengan penambahan unit amanah Islam di Malaysia, maka SC telah mewujudkan Majlis Panel Syariah (MPS) pada tahun 1996 bagi memberi khidmat nasihat kepada syarikat industri unit amanah terutamanya dalam memberikan panduan syariah dan penambahbaikan dalam sistem pengurusan yang sedia ada. Maka dengan itu, pengurus dana atau syarikat yang menubuhkan dana unit amanah Islam dikehendaki untuk melantik jawatankuasa syariah sebagaimana yang ditetapkan dalam garis panduan oleh SC, bagi memastikan setiap aktiviti dan operasi yang dijalankan mengikut landasan syariah. Namun apa yang membezakan dalam pengendalian unit amanah Islam dan konvensional adalah wujudnya satu penasihat syariah yang mengawal dan menasihati pengurus dana atau syarikat dalam

memastikan semua pelaburan mengikut panduan yang ditetapkan. Rajah 1 menunjukkan perbezaan struktur asas tabung unit amanah diantara unit amanah konvensional dan unit amanah Islam di Malaysia.



Rajah 1: Struktur Asas Tabung :  
 a) Unit Amanah Konvensional Di Malaysia  
 b) Unit Amanah Islam Di Malaysia

Sumber: (Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, 2013)

Perbezaan antara kedua unit Amanah ini dibincangkan dalam jadual yang seterusnya. Jadual 2 memaparkan fungsi pemegang taruh unit Amanah konvensional dan Jadual 3 pula memaparkan fungsi pemegang taruh unit Amanah islamik.

Jadual 2: Fungsi Pemegang Taruh bagi Unit Amanah Konvensional

Pemegang Taruh	Fungsi
Syarikat Pengurusan	Menubuhkan, menjalankan operasi dan mentadbir tabung. Yuran pengurusan dibayar sebagai alasan.
Pemegang Amanah	Bertindak bagi pihak pemegang unit.
Jawatankuasa Pelaburan	Dilantik oleh syarikat pengurusan untuk melaksanakan dan mengawal polisi – pengurusan dan pengoperasian tabung.

Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, 2013

Jadual 3: Fungsi Pemegang Taruh bagi Unit Amanah Islam:

<b>Pemegang Taruh</b>	<b>Fungsi</b>
Syarikat Pengurusan	Menubuhkan, menjalankan operasi dan mentadbir tabung. Yuran pengurusan dibayar sebagai alasan.
Pemegang Amanah	Bertindak bagi pihak pemegang unit.
Jawatankuasa Pelaburan	Dilantik oleh syarikat pengurusan untuk melaksanakan dan mengawal polisi – pengurusan dan pengoperasian tabung.
Penasihat Syariah	Mengawasi Pelaburan Tabung Adalah Patuh Syariah.

Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, 2013

### **Perbandingan Dari Segi Aktiviti Unit Amanah Islam dan Konvensional**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (2013), telah menghuraikan perbezaan aktiviti yang diguna pakai oleh unit amanah konvensional dan unit amanah Islam Malaysia dalam semua aktiviti pelaburan seperti berikut:

#### **1. Aktiviti Unit Amanah Konvensional**

Harta tabung harus relevan dan konsisten dengan objektif pelaburan, surat ikatan amanah, prospektus tabung, garis panduan tabung unit amanah dan undang-undang sekuriti. Menurut garis panduan tabung unit amanah, pelaburan tabung hanya terdiri daripada:

- a. Sekuriti boleh dipindahmilik (iaitu ekuiti, bon dan waran). Pelaburan dalam sekuriti yang tidak disenaraikan adalah tertakluk kepada had pelaburan tertentu. Waran harus membawa hak yang berkaitan dengan sekuriti yang diperdagangkan atau di bawah kaedah pasaran yang layak
- b. Tunai, deposit dengan institusi kewangan dan instrumen pasaran wang
- c. Unit atau saham dalam skim pelaburan kolektif yang lain
- d. Terbitan tersenarai di bursa atau di kaunter
- e. Pelaburan dalam produk berstruktur
- f. Pelaburan di pasaran luar negeri yang layak di mana pihak kuasa pengawal adalah ahli Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti.

Tabung tersebut boleh mengambil bahagian dalam memberi pinjaman sekuriti jika dibenarkan di bawah surat ikatan amanah dan disiarkan dalam prospektus. Pinjaman sekuriti yang diberikan mesti mematuhi garis panduan dan pihak berkuasa yang relevan sebagaimana yang ditetapkan dalam garis panduan tabung unit amanah

## 2. Aktiviti Unit Amanah Islam

Penentuan sama ada sesuatu saham tertentu mengikut prinsip Islam atau tidak adalah berdasarkan kepada punca pendapatan yang diterima oleh syarikat. Pengurus tabung Islam harus memastikan bahawa:

- a. Semua bentuk pelaburan adalah terhad kepada pelaburan patuh syariah,
- b. wang dan harta tanah pelanggan dijaga dengan selamat di bawah undang-undang sekuriti mengikut keperluan syariah, dan
- c. teknik dan alat pengurusan risiko yang berpatutan dilakukan mengikut prinsip syariah dan disahkan oleh penasihat yang dilantik.

Sekatan dan had pelaburan sebagaimana ditetapkan dalam garis panduan tabung unit amanah harus dipatuhi berdasarkan penilaian pelaburan tabung yang paling terkini. Dalam kes tabung Islam, semua pelaburan perlu mematuhi prinsip syariah. Kriteria umum dalam menilai status sekuriti syariah yang diluluskan adalah syarikat itu tidak terlibat dalam aktiviti teras seperti berikut:

- a. Perkhidmatan kewangan yang berasaskan riba (faedah)
- b. Perjudian
- c. Pengeluaran atau penjualan barangan tidak halal atau barangan yang berkaitan
- d. Insurans konvensional
- e. Aktiviti hiburan yang tidak selaras dengan Syariah
- f. Pengeluaran atau penjualan barangan yang berasaskan tembakau atau barangan yang berkaitan
- g. Pembrokeran atau jual beli sekuriti yang tidak mematuhi Syariah
- h. Aktiviti lain yang dianggap tidak selaras dengan Syariah.

Bagi syarikat yang menjalankan aktiviti yang terdiri daripada kedua-dua elemen iaitu yang selaras dan yang tidak selaras dengan Syariah, jawatankuasa Syariah / penasihat Syariah perlu mempertimbangkan dua kriteria tambahan seperti berikut:

- a. Pandangan masyarakat umum atau imej syarikat berkenaan mestilah baik
- b. Aktiviti teras syarikat adalah penting dan dianggap *masalah* (untuk kepentingan awam) kepada ummah Islam (bangsa) dan negara, dan unsur-unsur yang tidak dibenarkan mesti minima dan melibatkan hal-hal seperti umum *balwa* (keadaan umum dan sukar dielakkan) dan *uruf* (adat).

Bagi menentukan tahap yang boleh dipertimbangkan bagi aktiviti yang bercampur seperti saham yang mempunyai aktiviti yang selaras dan tidak selaras dengan Syariah, MPS telah menetapkan beberapa syarat tertentu mengikut *ijtihad* (proses mengeluarkan pendapat daripada sumber Syariah oleh ulama yang layak). Sekiranya aktiviti yang dijalankan tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, sekuriti syarikat akan mengiktiraf pelaburan sebagai tidak patuh syariah.

### ***Penanda Aras Dalam Menentukan Unit Amanah Islam***

Menurut garis panduan yang dinyatakan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (2018), penanda aras dalam unit amanah dalam menentukan sama ada dana tersebut adalah Islamik atau konvensional ialah menerusi tanda aras kualitatif dan kuantitatif. Penanda aras kualitatif merupakan persepsi masyarakat umum atau imej aktiviti syarikat dari perspektif pengajaran Islam. Manakala penanda aras kuantitatif pula terdiri daripada aktiviti perniagaan dan nisbah kewangan.

#### **1. Aktiviti Perniagaan (Tanda Aras Lima Peratus) <5%:**

- a. Perbankan konvensional;
- b. Insurans konvensional;
- c. Perjudian;
- d. Arak dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya;
- e. Babi dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya;
- f. Makanan dan minuman tidak halal;
- g. Hiburan tidak patuh Syariah;
- h. Tembakau dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya;
- i. Pendapatan faedah-faedah daripada akaun dan instrumen konvensional; (termasuk pendapatan faedah yang diterima berikutan daripada keputusan mahkamah atau penimbang tara);
- j. Dividen daripada pelaburan tidak patuh Syariah;
- k. Aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak patuh Syariah.

#### **2. Aktiviti Perniagaan (Tanda Aras Dua Puluh Peratus) <20%:**

- a) Jual beli saham; pembrokeran saham;
- b) Sewaan daripada aktiviti-aktiviti tidak patuh Syariah;
- c) Aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak patuh Syariah.

#### **3. Nisbah Kewangan (Tanda Aras Tiga puluh Tiga Peratus) <33% dari penilaian riba:**

- a. Tunai ke atas jumlah asset:

Tunai yang diambil kira ialah tunai yang ditempatkan dalam akaun dan instrumen konvensional, manakala tunai yang ditempatkan dalam akaun dan instrumen Islam tidak diambil kira dalam pengiraan ini.



b. Hutang ke atas jumlah asset:

Hutang yang diambil kira ialah hutang yang berteraskan faedah, manakala pembiayaan secara Islam ataupun sukuk tidak diambil kira dalam pengiraan ini.

### **PMB Investment Berhad**

Salah satu contoh syarikat Pengurusan Dana Islam (IFMC) adalah PMB Investment Berhad (PMBi). Oleh itu, kertas kerja ini membincangkan kaedah perkhidmatan dan pengurusan PMBi yang akan dijadikan sebagai rujukan perbincangan yang seterusnya. Mereka menawarkan perkhidmatan pengurusan unit amanah dan dana. PMBi adalah anak syarikat milik penuh Pelaburan MARA Berhad, salah satu perintis dalam industri unit di Malaysia dengan lebih daripada lima dekad pengalaman. PMBi telah membuat penjenamaan nama syarikat pada 28 Februari 2014 berikutan penjenamaan semula syarikat kumpulan tersebut. Selaras dengan salah satu inisiatif kumpulan Pelan Transformasi 2011-2015, bagi menjadikan kumpulan kukuh, canggih dan berdaya saing, semua dana unit amanah dan portfolio korporat atau institusi ini telah mengikut patuh Syariah. Dua daripada dana unit amanah terakhir telah dibuat secara rasminya menjadi patuh Syariah pada 7 Mac 2014. Seterusnya, kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk mengubah aktiviti PMBi yang dikawal selia daripada pengurusan dana kepada pengurusan dana Islam berkuatkuasa mulai 28 November 2014. PMBi menawarkan mandat portfolio pelaburan dalam ekuiti patuh Syariah, sukuk dan instrumen pasaran wang Islam, atau gabungan mana-mana tiga kelas aset seperti yang dikehendaki oleh pelanggan. Kebanyakan dana unit amanah yang tawarkan adalah unik walaupun mereka boleh melabur dalam kelas aset yang sama. Ini adalah untuk membolehkan pelabur, tertakluk kepada Penilaian Kesesuaian, memilih dana yang sesuai dengan tahap toleransi risiko dan objektif pelaburan mereka (Laman Web PMB Investment Berhad). PMB Investment Berhad dilesenkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan, 2007 dengan modal saham berbayar semasa diterbitkan sebanyak RM15,000,000. Sehingga Mei 2021, PMBi menguruskan 18 unit amanah seperti di dalam Jadual 4:

Jadual 4: Dana PMBi Sehingga Mei 2021

<b>Bil.</b>	<b>Nama Dana</b>	<b>Kategori Dana</b>	<b>Objektif Dana</b>
1	PMB Dana Al-Aiman	Ekuiti / Pertumbuhan / Pendapatan	Untuk menyediakan pelabur dengan pulangan yang stabil dan mencapai pertumbuhan modal dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah.
2	PMB Shariah Index Fund	Ekuiti / Indeks	Untuk memberi peluang kepada pelabur untuk mendapatkan pulangan yang berpatutan dan pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur dalam sekuriti patuh Syariah dan pada masa yang sama Pengurus akan cuba memadamkan prestasinya dengan prestasi FBMSHA.

3	PMB Cash Management Fund	Shariah	Pendapatan / Pasaran Wang	Memberi pelabur pulangan yang berpatutan dengan tahap kecairan yang tinggi sambil mengekalkan kestabilan modal melalui pelaburan terutamanya dalam instrumen pasaran wang dan sekuriti hutang yang diluluskan oleh Syariah.
4	PMB Mutiara	Dana	Ekuiti / Pertumbuhan / Pendapatan	Untuk Menyediakan Pelabur Dengan Pulangan Yang Mantap Dan Mencapai Pertumbuhan Modal Dalam Jangka Sederhana Hingga Panjang Dengan Melabur Dalam Ekuiti Dan Sekuriti Pendapatan Tetap Yang Mematuhi Prinsip Syariah.
5	PMB Aggressive Fund	Shariah	Ekuiti / Pertumbuhan	Untuk memberi peluang kepada pelabur untuk mendapatkan pulangan modal yang tinggi dalam jangka sederhana hingga panjang melalui pelaburan aktif dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia.
6	PMB Bestari	Dana	Ekuiti / Pertumbuhan / Pendapatan	Untuk menyediakan pelabur dengan pulangan yang stabil dan mencapai pertumbuhan modal dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah.
7	PMB Fund	Sukuk	Pertumbuhan / Pendapatan / Sukuk	Untuk menyediakan pelabur dengan pendapatan yang konsisten* aliran dan modal yang stabil dalam jangka sederhana hingga panjang melalui pelaburan dalam sukuk.
8	PMB Tactical Fund	Shariah	Pertumbuhan / Pendapatan / Aset Campuran	Untuk mencapai pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur dalam portfolio pelaburan yang mematuhi prinsip Syariah.
9	PMB Growth Fund	Shariah	Ekuiti (Syariah) / Pertumbuhan	Untuk memberi peluang kepada pelabur untuk mencapai pertumbuhan modal dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam sekuriti patuh Syariah.
10	PMB Asean Equity Fund (MYR)**	Shariah Stars	Ekuiti / Pertumbuhan	Untuk mencapai pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur dalam portfolio sekuriti patuh Syariah yang pelbagai.
11	PMB ASEAN STARS EQUITY FUND (USD)**	Shariah	Ekuiti / Pertumbuhan	Untuk mencapai pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur dalam portfolio sekuriti patuh Syariah yang pelbagai.
12	PMB Mid-Cap Fund	Shariah	Ekuiti / Pertumbuhan	Untuk mencapai pertumbuhan modal dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang dengan melabur terutamanya dalam syarikat-syarikat patuh Syariah bersaiz sederhana dari segi permodalan pasaran.

13	PMB Premier Fund	Shariah	Ekuiti (Syariah) / Pertumbuhan	Untuk memberi peluang kepada pelabur untuk mencapai pertumbuhan modal dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang melalui pelaburan dalam mana-mana 50 saham patuh Syariah terbesar oleh permodalan pasaran (pada masa pembelian) yang disenaraikan di Bursa Malaysia.
14	PMB Small-Cap Fund	Shariah	Ekuiti / Pertumbuhan	Untuk mencapai pertumbuhan modal dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang dengan melabur terutamanya dalam syarikat-syarikat patuh Syariah bersaiz kecil yang tersenarai di Bursa Malaysia, dari segi permodalan pasaran.
15	PMB Dividend Fund	Shariah	Ekuiti / Pertumbuhan	Memberi peluang kepada pelabur untuk mendapatkan aliran pendapatan yang konsisten dan stabil yang berpotensi lebih tinggi daripada kadar deposit tetap purata.
16	PMB Sukuk Fund	Wholesale	Income / Sukuk	Dana ini bertujuan untuk menyediakan pelabur dengan aliran pendapatan yang konsisten dan kenaikan modal yang stabil dalam jangka sederhana hingga panjang, dengan melabur terutamanya dalam sukuk. * Pengagihan pendapatan akan dibayar dalam bentuk unit
17	PMB TNB Employees Fund	Shariah	Equity / Income	Untuk memberi peluang kepada pelabur untuk mendapatkan pendapatan yang stabil dan mencapai pertumbuhan modal dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam portfolio pelaburan yang mematuhi prinsip Syariah.
18	PMB-An-Nur Waqf Income Fund		Growth / Income / Mixed Asset	Untuk memberi pendapatan serta menyediakan pertumbuhan modal dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam portfolio pelaburan yang mematuhi prinsip Syariah dan membolehkan Pemegang Unit menyalurkan semua atau sebahagian daripada agihan untuk tujuan wakaf.

Sumber: (Laman Web PMB Investment Berhad)

Berdasarkan Jadual 4, PMBi telah mempunyai 18 dana unit amanah Islam yang mengikut syariah. Pada 18 Mac 2021, satu dana unit amanah berteraskan wakaf iaitu PMB An-Nur Waqf Income Fund telah di perkenalkan. Ia merupakan satu dana inovasi yang mempunyai manfaat berteraskan 3P iaitu pelaburan (keuntungan), Perlindungan (takaful) dan pahala (amal jariah menerusi amalan wakaf).

Kepelbagaian jenis dana membuat pelabur mempunyai banyak pilihan untuk melabur. Ini disokong oleh Shafee (2018), tingkah laku pelabur dalam membuat keputusan untuk melanggan produk unit amanah adalah kerana faktor kepelbagaian. Ahmad et al. (2019) menghuraikan kepelbagaian adalah satu teknik dapat mengurangkan risiko dalam pelaburan di antara pelbagai instrumen kewangan, industri dan lain-lain. Teknik kepelbagaian ini dapat memaksimumkan lagi pulangan pelaburan dalam kadar risiko yang rendah.

### **Analisis Data Jualan dan Bilangan Pelabur Unit Amanah Islam Mengikut Wilayah**

Kajian ini mengambil data penglibatan masyarakat Malaysia yang melabur di semua dana yang ditawarkan oleh PMBi dalam masa lima tahun iaitu dari tahun 2016 hingga 2020 (PMB Investment Berhad, 2021). Skop data ini hanya tertumpu kepada pelabur individu yang melanggan terus ke wilayah cawangan PMBi seluruh Malaysia. Data yang terkumpul merangkumi perlaburan melalui secara langsung ke kaunter atau melalui ejen atau perunding yang dilantik oleh PMBi. Jadual 5 menunjukkan data jualan dana unit amanah islam di PMBi mengikut pejabat wilayah atau negeri dari tahun 2016 hingga 2020. Manakala Jadual 6 menunjukkan data jumlah pelabur yang melanggan dana unit amanah islam di PMBi mengikut pejabat wilayah atau negeri dari tahun 2016 hingga 2020 (PMB Investment Berhad, 2021).

Jadual 5: Data Jualan Dana Unit Amanah Islam Di PMBi Mengikut Pejabat Wilayah Atau Negeri Dari Tahun 2016 Hingga 2020

WILAYAH/ NEGERI	JUMLAH UNIT JUALAN TAHUN 2016-2020 (RM)					JUMLAH
	2016	2017	2018	2019	2020	
Tengah	28,453,005.79	57,621,013.57	113,581,720.32	64,901,565.58	138,553,665.03	403,110,970.29
Utara	14,242,696.68	23,017,422.50	36,262,279.00	14,907,630.50	22,808,283.00	111,238,311.68
Selatan	2,439,850.84	6,852,999.06	14,783,029.47	6,595,029.58	9,386,726.16	40,057,635.11
Timur	3,246,928.76	6,720,136.23	25,060,421.46	14,570,285.84	31,471,352.42	81,069,124.71
Sabah	753,345.41	1,248,075.60	3,917,987.00	2,678,120.00	2,903,505.00	11,501,033.01
Sarawak	2,364,105.18	10,097,246.83	14,317,561.50	7,687,077.84	14,270,721.36	48,736,712.71
<b>JUMLAH</b>	<b>51,499,932.66</b>	<b>105,566,893.79</b>	<b>207,922,998.75</b>	<b>111,339,709.34</b>	<b>219,394,252.97</b>	<b>695,723,787.51</b>

Sumber: (PMB Investment Berhad, 2021a)

Jadual 6: Data Jumlah Pelabur Yang Melanggan Dana Unit Amanah Islam Di PMBi Mengikut Pejabat Wilayah Atau Negeri Dari Tahun 2016 Hingga 2020

WILAYAH/ NEGERI	JUMLAH PELABUR TAHUN 2016-2020					JUMLAH
	2016	2017	2018	2019	2020	
Tengah	2,556	3,370	5,409	3,560	4,149	19,044.00
Utara	1,614	1,843	2,988	1,753	1,907	10,105.00
Selatan	511	742	1,082	591	637	3,563.00
Timur	340	662	1,504	1,071	1,362	4,939.00
Sabah	132	222	575	364	309	1,602.00
Sarawak	531	921	1,291	861	807	4,411.00
<b>JUMLAH</b>	<b>5,684</b>	<b>7,760</b>	<b>12,849</b>	<b>8,200</b>	<b>9,171</b>	<b>43,664.00</b>

Sumber: (PMB Investment Berhad, 2021b)

Berdasarkan data Jadual 5 dan 6, urusan pengurusan perlaburan PMBi terbahagi kepada empat wilayah dan dua negeri iaitu Wilayah Tengah, Utara, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak. Wilayah Tengah merangkumi Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya dan Negeri Sembilan. Manakala Wilayah Utara merangkumi negeri Perak, Penang, Kedah, dan Perlis. Di ikuti dengan Wilayah Selatan iaitu Johor dan Melaka. Wilayah Timur merangkumi negeri Pahang, Terengganu, dan Kelantan. Negeri Sabah dan Sarawak mewakili negeri masing-masing.

Data bagi Jadual 5 dan 6 ini merujuk kepada pembelian baharu dan pelaburan tambahan yang dibuat oleh pelabur baharu atau yang sedia ada. Jualan bagi Wilayah Selatan terdiri dari dua negeri iaitu 10 peratus dari pelanggan negeri Melaka dan 90 peratus dari pelanggan negeri Johor. Perbandingan dapat di lihat dari segi jumlah jualan dan bilangan pelabur mengikut tahun dan wilayah dalam masa lima tahun dari 2016 hingga 2020. Jadual 4 menunjukkan Wilayah Tengah dan Utara adalah wilayah yang tertinggi jumlah jualan berbanding wilayah dan negeri yang lain. Wilayah Tengah dengan jumlah jualan RM403,110,970.29 iaitu seramai 19,044 pelabur dan wilayah Utara sebanyak RM111,238,311.68 seramai 10,105 pelabur. Bagi jumlah jualan yang terendah adalah Wilayah Selatan dengan jumlah jualan RM40,057,635.11 iaitu seramai 3,563 pelabur berbanding wilayah yang lain. Manakala negeri di Kepulauan Borneo iaitu Sabah dan Sarawak, jumlah jualan negeri Sabah adalah sebanyak RM11,501,033.01 iaitu 1,602 pelabur diikuti negeri Sarawak sebanyak RM48,736,712.71 iaitu seramai 4,411 pelabur. Bagi mengenal pasti situasi bilangan pelaburan disetiap wilayah. Perbandingan di buat dengan mengenal pasti isi pendapatan penduduk mengikut negeri. Jadual 7 menunjukkan perbezaan pendapatan median isi rumah bagi wilayah mengikut negeri di Malaysia.

Jadual 7: perbezaan median pendapatan isi rumah tahun 2019 dan 2016

MEDIAN PENDAPATAN ISI RUMAH (RM)		
Negeri	2019	2016
W.P Kuala Lumpur	10,549	9,073
W.P Putrajaya	9,983	8,275

Selangor	8,210	7,225
W.P Labuan	6,726	5,928
Johor	6,427	5,652
Melaka	6,054	5,588
Pulau Pinang	6,169	5,409
Terengganu	5,545	4,694
Negeri Sembilan	5,055	4,579
Perlis	4,594	4,204
Sarawak	4,544	4,163
Sabah	4,235	4,110
Perak	4,273	4,006
Pahang	4,440	3,979
Kedah	5,522	3,811
Kelantan	3,563	3,079

*Sumber:* (Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2020)

Berdasarkan Jadual 7, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan Selangor menunjukkan median pendapatan yang tertinggi pada tahun 2019 dengan jumlah median sebanyak RM10,549, RM9,983, dan RM8,210 . Diikuti Wilayah Persekutuan Labuan, Johor, Melaka dan Pulau Pinang dengan jumlah median sebanyak RM6,726, RM6,427, RM6,054, dan RM6,169. Berdasarkan jumlah jualan di pejabat Wilayah Selatan PMBi iaitu negeri Johor dan Melaka mempunyai pendapatan isi rumah yang mempunyai pendapatan tertinggi selepas Wilayah Tengah dan Wilayah Persekutuan Labuan seperti yang terdapat dalam Jadual 7. Tetapi jualan unit amanah dalam Jadual 5 bagi Wilayah Selatan menunjukkan bilangan yang amat rendah dalam masa lima tahun berbanding Wilayah Tengah dan Timur. Malahan, jumlah pelabur dalam masa lima tahun di Wilayah Selatan PMBi merupakan sangat rendah berbanding dengan wilayah yang lain seperti dalam Jadual 6. Ini berkemungkinan terdapat beberapa kekurangan dari sudut pemasaran, keberkesanan jualan oleh ejen atau perunding PMBi atau kesedaran masyarakat yang perlu dikenal pasti bagi melihat masalah ini. Jelaslah apa yang dinyatakan oleh Zaimah Ramli, (2010) bahawa masih terdapat golongan tertentu yang masih belum mendapat sebarang pendedahan tentang kewujudan dana unit amanah ini. Peningkatan dana Islam dalam produk kewangan semakin meningkat, tetapi kajian mengenai produk ini masih terhad terutamanya tentang pengetahuan dan kesan pemilihan kewangan Islam (Abdullah dan Hussin, 2020). Justeru, syarikat pelaburan unit amanah Islam perlulah mengenal pasti faktor kelemahan dan memainkan peranan dalam menarik minat pelabur khususnya dari wilayah selatan.

## KESIMPULAN

Berdasarkan pendapatan isi rumah mengikut pembahagian negeri-negeri di Malaysia, terdapat jurang perbezaan antara jumlah pembelian saham dan bilangan pelabur yang melabur mengikut wilayah. Dalam kajian ini, terdapat negeri-negeri yang menunjukkan pendapatan isi rumah yang tinggi tetapi langganan pelabur dalam masyarakat masih lagi berkurang. Contohnya, negeri Johor dan Melaka merupakan negeri di Wilayah Selatan. Negeri Johor dan Melaka mempunyai pendapatan isi rumah yang baik tetapi jumlah pelabur dan jualan unit amanah Islam

adalah sedikit. Ini berkemungkinan terdapat kekurangan dari segi promosi, pengiklanan dan kefahaman tentang produk pelaburan yang Islamik atau kekurangan tenaga perunding atau perunding yang tidak pakar dalam mengendalikan jualan produk kepada masyarakat. Setiap strategi dan aktiviti yang dilaksanakan oleh syarikat amatlah penting bagi memastikan produk mereka dapat dijual kepada pelanggan. Kotler dan Armstrong, (2018) telah menerangkan faktor yang mempengaruhi kelakuan pembelian pengguna dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu faktor kebudayaan, rujukan sosial, keperibadian, dan psikologi. Faktor-faktor ini perlu diambil kira sebagai rujukan agar produk yang dipasarkan sentiasa mengikut perkembangan semasa dan cita rasa pelanggan.

Untuk kajian lanjutan, faktor mempengaruhi pelabur untuk melanggan dana unit amanah Islam perlu dikaji untuk membuktikan pelaburan dana unit amanah Islam menjadi pilihan di hati masyarakat khususnya golongan pelabur yang beragama Islam.

## RUJUKAN

- Abdullah, F., Hassan, T. and Mohamad, S. (2007) 'Investigation of performance of Malaysian Islamic unit trust funds: Comparison with conventional unit trust funds', *Managerial Finance*, 33(2), pp. 142–153. doi: 10.1108/03074350710715854.
- Abdullah, M. A. and Hussin, M. F. (2020) 'Literasi kewangan Islam: sorotan kajian lepas dan kaedah pengukuran', 5(1/2020), pp. 43–55.
- Abdullah, N. A. H. and Shari, A. (2019) 'A comparative analysis of fixed income unit trust funds versus equity unit trust funds in Malaysia', *Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance*, 15(2), pp. 95–117. doi: 10.21315/aamjaf2019.15.2.5.
- Ahmad, R., Nomani, A. and Khan, M. K. R. (2019) 'Comparative Analysis of Risk, Return and Diversification of Mutual Fund', *SAARJ Journal on Banking & Insurance Research*, 8(4), p. 18. doi: 10.5958/2319-1422.2019.00017.1.
- Annamalah, S. *et al.* (2019) 'An empirical study on the determinants of an investor's decision in unit trust investment', *Economies*, 7(3), pp. 1–23. doi: 10.3390/economies7030080.
- Bank Negara Malaysia (1999) *The Central Bank and the Financial System in Malaysia – A Decade of Change*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Choong, D. (2001) *Investor's Guide To Malaysian Unit Trust*, SAGE Information Services. 2nd Editio. Kuala Lumpur.
- Choong, D. (2005) *Investor's guide to Malaysian unit trusts*. Third Edit. Malaysia: Sage Information Services.
- Hunt-Ahmed, Karent (ed.) (2013) *Contemporary Islamic Finance: Innovations, Applications and Best Practices*. Canada: John Wiley & Son Inc.
- Ismail, M. Y. and Hassan, A. A. (2006) 'Instrumen Pasaran Modal Islam Di Malaysia: Kajian Khusus', *Jurnal Penyelidikan Islam*, 19, pp. 71–92.
- Julia, K. (2020) *Wealth*, Investopedia. Available at: <https://www.investopedia.com/terms/u/unittrust.asp>.
- Kotler, P. and Armstrong, G. (2018) *Principles of Marketing (17 ed.)*. Harlow: Pearson Education.

- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (2013) *Tabung Unit Amanah Bahagian 1 - Gambaran Keseluruhan: Ketetapan Umum No. 7/2013*. LHDN.
- Mohd Nor, R. (2020) 'Perlaburan saham: prospek dan cabaran sebagai pendapatan pasif dalam kalangan bumiputera di Malaysia', *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(30), pp. 137–150.
- Othman, S. H. and Ramli, R. (2018) 'Kepatuhan Dana Unit Amanah Syariah Di Malaysia', *Jurnal Ulwan*, 1(1), pp. 20–33. Available at: <http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/274/237>.
- Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah mengikut kumpulan etnik, strata dan negeri, Malaysia, 1970-2019* (2020) *Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri*. Available at: <https://www.comparehero.my/budgets-tax/articles/klasifikasi-pendapatan-di-malaysia-t20-m40-dan-b40>.
- PMB Investment Berhad (2021a) 'Data Jualan Dana Unit Amanah Islam Di PMBi Mengikut Pejabat Wilayah Atau Negeri Dari Tahun 2016 Hingga 2020'.
- PMB Investment Berhad (2021b) 'Data Jumlah Pelabur Yang Melanggan Dana Unit Amanah Islam Di PMBi Mengikut Pejabat Wilayah Atau Negeri Dari Tahun 2016 Hingga 2020'.
- PMB Investment Berhad (no date a) *Our Business, Laman Web PMB Investment Berhad*. Available at: <https://www.pmbinvestment.com.my/about-us/our-business/>.
- PMB Investment Berhad (no date b) *View All Funds, Laman Web PMB Investment Berhad*. Available at: <https://www.pmbinvestment.com.my/fund/pmb-an-nur-waqf-income-fund/>.
- Razaman, R. (2010) *Razali Razaman, Panduan Pelaburan Unit Amanah*. (Selangor: True Wealth Sdn Bhd.
- Shafee, N. B. (2018) 'Mutual Fund Investment Decision by Malaysian Investor', *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(11), pp. 607–615. doi: 10.6007/ijarbss/v8-i11/4934.
- Sunthara Segar (2007) *Rahsia Melabur Dalam Unit Amanah*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Suruhanjaya Sekuriti (2018) 'Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia'.
- Zaimah Ramli (2010) 'Ketersampaian Masyarakat Tani Kepada Pelaburan Saham Amanah (Assesibility of Peasant Community Toward Investment of Unit Trust).', *Jurnal e-Bangi*, 5(1), pp. 142–152.